

03 MAY 1996

Mahathir-Perwaja

KARPAL PATUT DIDAKWA JIKA ERIC CHIA TIDAK MELARIKAN DIRI

MELAKA, 3 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, anggota Parlimen DAP dari Jelutong, Karpal Singh, patut didakwa jika laporan polis yang dibuatnya mengenai kehilangan bekas Pengarah Urusan Perwaja, Tan Sri Eric Chia, didapati tidak benar.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri, menyifatkan laporan yang dibuat oleh Karpal itu sebagai tohmahan yang jika di dapati tidak benar, tindakan sewajarnya patut diambil terhadap orang yang membuat tuduhan seperti itu.

"Tentang dakwaan bahawa Tan Sri Eric Chia menghilangkan diri, ini merupakan satu tohmahan. Kalau kita dapati Tan Sri Eric Chia masih ada di sini, patutlah tindakan diambil terhadap orang yang melempar tuduhan bahawa Eric Chia melarikan diri," katanya pada persidangan berita, di sini, sebagai mengakhiri lawatan kerja dua hari ke Melaka.

Semalam, Karpal yang juga Timbalan Pengerusi DAP membuat laporan polis di Kuala Lumpur mengenai kehilangan Eric Chia yang dikatakannya saksi penting dalam siasatan berhubung masalah kewangan Perwaja.

Karpal yang diiringi anaknya, Gobind Singh Deo dan anggota Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng, ketika membuat laporan di Balai Polis Jalan Stadium, yakin polis Malaysia dengan bantuan Interpol pasti dapat mengesan Eric Chia.

Dr Mahathir, ketika diminta mengulas mengenai laporan polis yang dibuat oleh Karpal, berkata: "Saya tak tahulah (Eric Chia) ada ke tak ada (di dalam negara) tapi bila kita buat satu-satu kenyataan, kita mesti sanggup bertanggungjawab terhadap kenyataan kita."

"Kita tak boleh buat kenyataan mengenai orang lain, memburukkan imej orang lain tetapi bila di dapati kita bersalah, kita berpendapat tak perlu tindakan diambil terhadap diri kita," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata kerja seperti itu merupakan tabiat parti pembangkang yang dengan mudah membuat tuduhan tetapi apabila tuduhan mereka terbukti tidak berasas, mereka tetap merasakan berhak untuk melemparkan tuduhan.

Sebelum ini, Lim pula telah membuat dua laporan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) berhubung penyelewengan dalam Perwaja yang dikatakan membabitkan kerugian terkumpul sebanyak RM2,500 juta.

Semasa persidangan Dewan Rakyat bulan lepas, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan, mengesahkan Perwaja menanggung hutang yang banyak berikutan adanya unsur penyelewengan dan penipuan dalam syarikat itu.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai tindakan Pergerakan Pemuda Umno sendiri yang ingin menyiasat masalah kewangan Perwaja sedangkan kerajaan sudahpun melantik syarikat audit Price Waterhouse untuk tugas itu.

Dr Mahathir berkata, adalah lebih baik soal itu diserahkan kepada kerajaan melainkan jika mereka (Pemuda Umno) sudah hilang kepercayaan terhadap kerajaan.

Rabu lepas, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik berkata, pergerakan itu gagal mendapat kebenaran Perwaja untuk memasuki premis syarikat berkenaan di Terengganu bagi mendapatkan maklumat berhubung masalah dalaman yang sedang Perwaja hadapi.

Pada 9 April lepas, pergerakan itu melantik seorang anggota exconya, Haji Zubir Embong yang juga seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah Perwaja untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai masalah syarikat berkenaan.

Ketika ditanya bilakah laporan hasil siasatan syarikat Price Waterhouse terhadap Perwaja dijangka siap, Dr Mahathir berkata : "Saya dok tungguhah juga, saya ingat tak berapa lama lagi". -- BERNAMA.

AH MOZ PR